

25 JUL 2000

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi BN

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), yang antara lain membincangkan permohonan beberapa parti politik untuk menyertai gabungan itu.

Mesyuarat itu berlangsung di ibu pejabat Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini mulai pada pukul 9 pagi.

Semalam, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN memberitahu pemberita mesyuarat itu juga akan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh BN.

Ia termasuk masalah parti-parti komponen dengan kerajaan dan perbezaan pendirian antara parti-parti komponen, yang boleh melemahkan BN.

BN terdiri daripada 14 parti iaitu Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung, SAPP, Akar, PBRS, LDP, dan UPKO di Sabah serta PBB, SNAP, PBDS, SUPP di Sarawak.

--BERNAMA

AFY ZS RI